

**Muhyiddin Lancar Kempen Derma Pertubuhan Arkitek Malaysia
Bernama
15 Sept, 2013**

KUALA LUMPUR, 15 Sept (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini melancarkan kempen derma Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) bagi membiayai projek pembinaan ibu pejabatnya.

Selain itu, beliau turut melancarkan program Tanggungjawab Sosial Korporat persatuan berkenaan.

Muhyiddin yang juga anggota kehormat PAM menghadiri majlis penyampaian hadiah Golf PAM 2013 dan berada hampir dua jam di Sungai Long Golf and Country Club di sini hari ini.

Menerusi Dana Pendidikannya, PAM melancarkan pertandingan reka bentuk seni bina pada April 2012 untuk mengumpul input daripada anggotanya dengan matlamat membina ibu pejabat baharu PAM.

Rakan penaja Kempen Derma Pusat PAM, Pengarah Urusan Akzo Nobel Paints (Malaysia) Sdn Bhd (Dulux) CW Goh berkata kedua-dua pihak (Dulux dan PAM) masing-masing akan menderma RM5,000 kepada dua rumah kebajikan.

"Kami amat bangga dengan perkongsian berterusan kami dengan PAM yang semakin bertambah akrab. Ini semestinya membuka peluang kepada kami untuk berkhidmat kepada masyarakat dalam usaha menggalakkan gaya hidup sihat di kalangan masyarakat Malaysia," katanya ketika berucap.

Pembinaan ibu pejabat PAM dijangka dimulakan Oktober ini dan dijangka siap menjelang akhir 2014.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=977912>